

## AYAT-AYAT AL-QURAN BERKAITAN GENDER BERDASARKAN *AL-TAFSIR AL-KABIR* FAKHR AL- DIN AL-RAZI

### *Quranic Verses Concerning Gender Based on al-Tafsir al-Kabir by Fakhr al-Din al-Razi*

Mohd Farid Mohd Shahran\*

#### ABSTRACT

*This article discusses issues related to gender-based on some verses of the Quran as interpreted by one of the renowned Muslim theologians and exegesis of the Quran, Fakhr al-Din al-Razi (d.1209) in his famous work, Tafsir al-Kabir. Focussing on a few relevant verses related to gender such as al-Hujurāt 49:13, al-Nisā' 4:1, 4, 32, this article further analyses al-Razi's elaborations on the complementary role of men and women, especially within the family institution. Not denying the fact that there are differences between men and women in terms of biology and status in Islamic law, al-Razi however argues that the differences are being balanced by the heavy role of men, especially as the leader of family and protector of women and their children.*

**Keywords:** Gender, Tafsir al-Kabir, al-Razi, Theologians

---

\* Principal Fellow (Director), Centre for the Study of Shariah, Law and Politics (SYARAK), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM). 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. [farid@ikim.gov.my](mailto:farid@ikim.gov.my).

## PENDAHULUAN

Bagi seorang Muslim, kebenaran kitab al-Quran sebagai sumber kebenaran dan panduan kepada kehidupan adalah sesuatu yang tidak diragukan. Namun dari segi pentafsiran, terdapat kecenderungan dalam kalangan sebahagian kelompok yang mempunyai kerangka berfikir tertentu untuk menghuraikan sebahagian ayat-ayat menurut pandangan subjektif masing-masing. Sebahagian tafsiran tersebut kadang-kala berlawanan dengan tafsiran yang mu'tabar. Sebagai contoh, beberapa ayat al-Quran mengenai hukum-hakam syariah yang kelihatan mengutamakan kedudukan lelaki telah menyebabkan sekelompok masyarakat berusaha untuk mentafsir semula ayat-ayat tersebut bagi menyesuaikan maknanya dengan semangat zaman kini (*zeitgeist*) yang lebih menekankan tentang hak asasi dan persamaan gender. Antaranya ialah ayat berkaitan peranan lelaki dan Wanita (al- Nisa' 4:34), harta pusaka (al-Nisa' 4:11) dan poligami (al- Nisa' 4:3). Persoalan yang dibangkitkan ini juga telah menimbulkan polemik berkaitan gender dalam kalangan kelompok pendokong hak asasi wanita di Malaysia dan juga di luar negara.

Antara sebab mengapa pandangan yang diutarakan oleh pendokong hak asasi manusia moden menimbulkan konflik dan polemik ialah perubahan kerangka dan neraca penentuan gender yang dibawa oleh kelompok feminis moden ini. Dalam kerangka ini, gender tidak lagi dilihat berdasarkan kejadian biologi kejantinaan seksual seseorang manusia akan tetapi lebih berasaskan orientasi seksual yang terbina dari faktor persekitaran yang dilalui oleh seseorang dalam kehidupannya.<sup>1</sup> Ini bagi menyesuaikan pelbagai kecenderungan dan keinginan seksual yang wujud dewasa ini yang didokong oleh pendekatan bebas gerakan hak asasi dan emansipasi wanita. Wacana gender di Barat sendiri amat diwarnai dengan sejarah perjuangan golongan feminis yang panjang terutama dalam menghadapi apa yang mereka gambarkan sebagai diskriminasi oleh golongan lelaki.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Mohd. Khuza'i, "Problem Definisi Gender: Kajian Atas Konsep Nuture and Nurture," dalam *Delusi Kesetaraan Gender: Tinjauan Kritis Konsep Gender*, ed. Dinar Dewi Karnia (Jakarta: Yayasan Aila Indonesia, 2018), 29.

<sup>2</sup> Baterah Alias, Mohd Asmadi Yakob, Rafeah Saidon dan Mukhammad Syamsul Huda Bin Lahuri, "Analisis Isu Gender Berdasarkan Al-Quran bagi Menangkis Tuntutan

Bagi pendokong agenda feminism dalam kalangan Muslim, hujah-hujah yang digunakan banyak berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Namun pentafsirannya kadang-kala tidak selari dengan pentafsiran berwibawa yang telah diterima sebagai tafsir yang mu'tabar dalam kalangan ilmuwan Islam. Berdasarkan permasalahan ini, adalah penting untuk merujuk kepada pentafsiran al-Quran yang berwibawa bagi memberikan sudut pandangan ilmiah yang lebih adil terhadap isu tersebut. Berdasarkan keprihatinan ini, kertas kerja ini akan meneliti sebahagian dari tafsiran ayat-ayat berkaitan gender berdasarkan huraiyan yang diberikan oleh salah seorang tokoh ahli tafsir dan mutakallim (ahli teologi) Islam terkenal iaitu Fakhr al-Dīn al-Rāzī<sup>3</sup> menerusi tafsir terkenal beliau *al-Tafsīr al-Kabīr*. Pemilihan kitab tafsir ini ialah berdasarkan ketokohan al-Rāzī dalam melihat hikmah di sebalik ayat-ayat al-Quran serta usahanya mencari keharmonian antara makna surah dalam al-Quran. Tafsir ini dianggap berwibawa kerana hujah-hujah akliyahnya yang mantap.<sup>4</sup> Disebabkan sifatnya yang rasional tafsir al-Rāzī juga menjadi rujukan kepada golongan liberal dan pejuang hak asasi termasuk hak wanita.

---

Persamaan Hak antara Lelaki dan Wanita,” *Journal of Contemporary Islamic Studies* (Dec 2020), 183.

<sup>3</sup> Maklumat lanjut mengenai Fakhr al-Dīn al-Rāzī sila lihat Al-Zarkān, Muhammad Ṣālih, *Fakhr al-Dīn al-Rāzī wa Arā'uhū al-Kalāmiyyah wa al-Falsafiyah* (Kaherah: Dār al-Fikr, 1963); Yasin Ceylan, *Theology and Tafsir in the Major Works of Fakhr al-Din al-Razi* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1996); Seyyed Hossein Nasr, “Fakhr al-Din al-Razi”, dalam *A History of Muslim Philosophy*, M. M. Sharif, ed., (Wiesbaden: Otto Harrassowitz, 1963), 642-656; Tony Street, “Concerning the Life and Works of Fakhr al-Din al-Razi,” dalam *Islam: Essays on Scripture, Thought and Society: A Festschrift in Honour of Anthony H. Johns*, Peter G. Riddell & Tony Street, ed., (Leiden: Brill, 1997); G. C. Anawati, “Fakhr al-Din al-Razi,” dalam *Encyclopedia of Islam New edition*, vol. II, 751-755.

<sup>4</sup> Kitab *al-Tafsīr al-Kabīr* karangan al-Rāzī ini juga terkenal kerana kedalaman perbahasannya, keharmonian antara ayat-ayat al-Quran dan surah-surah, huraiyan berdasarkan kepelbagaiaan jenis ilmu. Al-Rāzī sendiri sememangnya terkenal sebagai seorang tokoh yang mempunyai ilmu yang ensaiklopedik. Beliau bukan sahaja menguasai ilmu-ilmu asas syariah, akan tetapi menguasai ilmu-ilmu yang berasaskan falsafah dan sains seperti logik, fizik, perubatan dan astronomi. Ibn Khallikan mengakui kehebatan al-Rāzī dengan mengatakan bahawa beliau adalah wibawa agung dalam bidang ilmu Yunani dalam zamannya dan mengatasi tokoh-tokoh sezamannya dalam bidang teologi metafizik dan falsafah. Lihat Ibn Khallikan, *Wafāyāt al-A'yān*, terj. Mac Guckin De Slane (London: Johnson Reprint Corporation, 1843), 2: 652.

## ASAL-USUL LELAKI, WANITA DAN NERACA KEMULIAAN INSAN

Antara ayat penting dalam menghuraikan asal-usul kedudukan lelaki dan wanita ialah ayat berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا هَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا  
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنَّقَاءُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ

Maksudnya: “Wahai manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu saling kenal-mengenali. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah yang lebih bertaqwah di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.”<sup>5</sup>

Menurut al-Rāzī, ayat ini menjelaskan bahawa kepelbagaian dan perbezaan yang ada dalam kalangan manusia sama ada dari segi jantina, keturunan, bangsa dan kelompok adalah sebahagian dari kepelbagaian kejadian Allah yang tidak harus dijadikan kayu ukur kebanggaan dan ketinggian seseorang jauh sekali untuk menghina orang lain. Penjelasan ayat ini menurut al-Rāzī adalah susulan dari ayat yang datang sebelumnya yang melarang orang-orang beriman untuk bersangka buruk dan mengumpat orang lain.<sup>6</sup> Perbezaan dan kepelbagaian yang ada dalam

<sup>5</sup> Surah *al-Hujurāt*, 49: 13.

<sup>6</sup> Surah *al-Hujurāt*, 49: 12.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اخْتَبِئُوا كَثِيرًا مِنَ الطَّاغِيَةِ إِنَّ بَعْضَ الظُّنُونَ إِنْمِاثٌ  
وَلَا تَجْسِسُوا وَلَا يَغْتَبُ بَعْضُكُمْ بَعْضًا إِنْجِبْ أَحَدُكُمْ  
أَنْ يُكُلَّ لَهُمْ أَخْيَهُ مُؤْمِنًا فَكَرْهَتُمُوهُ وَإِنَّ اللَّهَ تَوَابُ رَحِيمٌ

Maksud: “Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa, dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati maka sudah tentu kamu jijik kepada padanya dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani.”

kalangan manusia sebaliknya harus dijadikan asas untuk manusia saling kenal-mengenali dan memahami perbezaan yang ada di antara mereka. Ini kerana semua perbezaan yang ada pada manusia sekiranya ditelusuri datangnya dari asal-usul kejadian yang sama iaitu dari sepasang ibu dan bapa.<sup>7</sup> Ini menjadikan semua manusia sama dari segi asal-usul. Sekiranya manusia mengenali asal usul diri mereka dari sumber yang satu, menurut al-Rāzī, maka mereka akan meninggalkan kebanggaan dan takabbur dan menjelmakan sifat tawadu' dan akhlak yang baik.<sup>8</sup> Malah, sepasang ibu dan bapa itu pun sekiranya ditelusuri lebih jauh kembali kepada seorang individu iaitu Nabi Adam dan kemudiannya dipasangkan dengan Hawā sebagaimana yang dirakamkan oleh al-Quran berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Maksudnya: “Wahai manusia, bertaqwalah kepada Tuhan yang menjadikan kamu dari jiwa yang satu dan dijadikan darinya pasangannya dan berkembang dari keduanya lelaki yang banyak dan wanita-wanita.”<sup>9</sup>

Penekanan terhadap keutamaan asal-usul manusia serta kepentingan pengenalan dan persefahaman antara pelbagai kelompok manusia tidak bermakna faktor perbezaan tidak perlu diambil perhatian bagi menentukan kemuliaan seseorang. Namun, apa yang penting ialah kemuliaan seseorang harus dinilai melalui neraca yang betul. Perbezaan sebenar dalam kalangan manusia menurut al-Rāzī adalah perbezaan yang berasaskan agama dan ketaqwaan (*al-dīn wa al-taqwā*).<sup>10</sup> Ini merupakan neraca yang telah ditentukan oleh Tuhan dan terakam dengan jelas di penghujung ayat yang sama, “Sesungguhnya orang yang paling mulia dalam kalangan kamu di sisi Allah ialah yang lebih bertaqwa.” Dalam menekankan perbezaan berasaskan agama dan taqwa, al-Rāzī menjelaskan bahawa:

<sup>7</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, (Beirut: Dār al-Iḥyā' 'Arabī, 1997), 10: 112.

<sup>8</sup> *Ibid*, 3: 477.

<sup>9</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 1.

<sup>10</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 10: 112.

manusia dalam urusan selain agama dan ketaqwaan adalah sama dan dekat antara satu dengan yang lain. Sesuatu perbezaan berkenaan perkara-perkara demikian tidak akan memberi kesan tanpa ketaqwaan. Setiap orang yang beragama mengetahui bahawa sesiapa yang selari dengannya adalah lebih mulia berbanding mereka yang berbeza dengannya dari segi agama.<sup>11</sup>

Jelas bahawa, dalam Islam, faktor agama merupakan asas utama dalam menentukan neraca kemuliaan insan berbanding faktor jantina, kelompok, ras dan warna kulit. Perbandingan antara iman dan kufur menurut al-Rāzī adalah perbezaan mendasar kerana ia adalah perbezaan antara dua kategori (*jinsayn*) yang berbeza sedangkan perbezaan antara faktor-faktor lain adalah sekadar perbezaan dalam satu kategori sahaja (*jins wāhid*).<sup>12</sup> Al-Rāzī menyamakan kekuferan dengan dengan perkara yang tiada kehidupan (*al-jamād*) sementara keimanan sebagai kehidupan insan sebenar.<sup>13</sup> Ini selari dengan kerangka pandangan alam Islam yang meletakkan prinsip *tawhīd* sebagai asas utama kebenaran, kemuliaan dan keselamatan manusia di dunia dan akhirat.

Selain menerangkan mengenai neraca kemuliaan insan, ayat ke-13 Surah al-Hujurāt ini juga menjelaskan bahawa lelaki dan wanita juga merupakan dua jantina yang merupakan pasangan asas dalam penciptaan manusia. Kedua-duanya dicipta dengan ciri dan sifat yang sesuai dengan kejadian dan peranan mereka dalam kehidupan di dunia ini. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam menentukan gender berdasarkan kejadian biologi insan (*khalqiyyah*) dan bukannya berdasarkan kecenderungan seksual seperti yang diketengahkan oleh sebahagian kelompok Barat pada hari ini. Islam juga tidak mengiktiraf jantina ketiga yang berbeza dengan lelaki dan wanita walaupun ada pengecualian dalam konteks kejadian luar biasa seperti khunsa yang masih dinilai dalam urusan hukum-hakam Islam berdasarkan hubungannya dengan jantina lelaki dan wanita.

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, 10: 112.

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> *Ibid.*

Menurut al-Quran, perbezaan gender juga tidak akan mempengaruhi potensi seorang manusia untuk mencapai tahap keimanan dan ketaqwaan yang tinggi kepada Allah. Ini disokong oleh ayat berikut:

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيقُ عَمَلَ عَامِلٍ مِنْكُمْ مِنْ دُنْكِرٍ أَوْ  
أُنْثَى بَعْضُكُمْ مِنْ بَعْضٍ

Maksudnya: “Maka Tuhan mereka memperkenankan doa mereka dengan firmanya “Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu sama ada lelaki atau perempuan, setengah kamu dari setengahnya yang lain.”<sup>14</sup>

Ketika menghuraikan ayat ini al-Rāzī mengatakan:

“Tiada perbezaan dalam Tuhan memperkenankan dan memberi ganjaran antara lelaki dan wanita sekiranya kedua-duanya melakukan ketaatan yang sama. Ini menunjukkan kelebihan dalam hal agama adalah dengan amalan bukan sifat-sifat (kedudukan) orang yang melakukan, kerana hal keadaan mereka lelaki atau wanita, dari nasab rendah atau mulia tidak akan memberikan kesan pada hal ini.”<sup>15</sup>

Penjelasan mengenai ayat-ayat di atas ini merupakan kerangka penting dalam memberikan panduan mengenai maqasid atau matlamat yang lebih tinggi kejadian gender dan sifat-sifat perbezaan yang lain pada insan. Ia menjadi semakin penting pada zaman ini apabila aspek-aspek perbezaan yang sekunder ini kerap diangkat dan dipertentangkan berbanding perbezaan berkaitan agama dan ketaqwaan sehingga berlaku polemik perpecahan dan akhirnya melupakan matlamat akhir penciptaan manusia iaitu tunduk dan menyerah diri kepada Pencipta dan mencapai ketaqwaan terhadapnya.

---

<sup>14</sup> Surah *Āli 'Imrān*, 3: 195.

<sup>15</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 3: 470.

## PERBEZAAN FITRAH DAN PERANAN LELAKI DAN WANITA

Walaupun pada asasnya lelaki dan wanita mempunyai potensi yang sama dalam mencapai tahap ketaqwaan kepada Allah, namun dari segi fitrah sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kejadian kedua-dua jantina ini berbeza. Perbezaan ini seterusnya memberi kesan perbezaan dari segi peranan tugas dan tanggungjawab mereka di dalam masyarakat dan juga dari segi hubungan antara dua gender ini. Apakah peranan yang telah ditetapkan oleh al-Quran kepada kedua-dua golongan ini dan apakah asas yang membezakan kedua-duanya?

Dalam Islam, hubungan antara lelaki dan wanita yang terbaik dapat dilihat dalam kerangka kekeluargaan kerana ia merupakan nukleus paling asas dalam pembentukan sesebuah masyarakat dan merupakan medan terbaik perhubungan antara kedua jantina ini terzahir dalam keadaan yang harmoni dan saling menyempurnakan. Kegagalan melihat peranan lelaki dan wanita dalam kerangka keluarga akan menyebabkan perbahasan berkaitan gender terbawa-bawa kepada wacana persamaan hak, persaingan antara kedua-dua gender dalam bentuk yang ekstrem dan tidak selari dengan Maqasid Syariah.

Dalam konteks keluarga, al-Quran menyatakan bahawa lelaki adalah ketua kepada keluarga dalam ayat yang berikut:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ إِمَّا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَإِمَّا  
أَنفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحُاتُ قَاتِنَاتٌ حَافِظَاتٌ لِلْغَيْبِ إِمَّا حَفِظَ  
اللَّهُ وَاللَّاتِي تَحَافُونَ نُشُورُهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ  
وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطْعَنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَيِّلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا  
كَبِيرًا

Maksudnya: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain dan kerana mereka telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang salih ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh kerana Allah telah memelihara mereka. Wanita-wanita yang kamu khuatirkan nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”<sup>16</sup>

Ayat di atas menjelaskan bahawa peranan seorang lelaki terutama dalam konteks kekeluargaan adalah sebagai pemimpin kepada wanita keluarga dan juga yang bertanggungjawab memelihara urusan dan hal ehwal kehidupan wanita di bawah penjagaannya. Istilah yang digunakan al-Quran ialah *qawwām* yang menurut al-Rāzī merujuk kepada gelaran kepada seseorang yang bertanggungjawab melaksanakan sesuatu urusan (*al-qiyām bi al-amr*).<sup>17</sup> Justeru itu frasa *qawwāmōna ‘alā al-nisā’* merujuk kepada tanggungjawab lelaki untuk memelihara urusan wanita dan bertanggungjawab sebagai penjaganya.<sup>18</sup> Ia juga bermaksud bahawa lelaki adalah pemimpin yang bertanggungjawab mendidik dan menyemai ilmu, adab dan akhlak ke dalam diri wanita di bawah jagaannya. Ayat ini menurut al-Rāzī berkait dengan ayat yang datang sebelumnya yang mengingatkan golongan wanita supaya tidak mengharapkan kelebihan yang diberikan oleh Allah kepada golongan lelaki:

---

<sup>16</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 34

<sup>17</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 4: 70.

<sup>18</sup> *Ibid.*

وَلَا تَتَمَنُوا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا  
أَكْتَسَبُوا ۚ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبْنَ ۖ وَاسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ  
كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mengharapkan limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian kamu melebihi sebahagian yang lain. Orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”<sup>19</sup>

Kelebihan yang dimaksudkan ialah bahagian harta warisan yang ditentukan lebih kepada lelaki berbanding wanita. Ayat ke-34 memberikan sebab mengapa lelaki diberikan kelebihan iaitu kerana mereka adalah ketua dan pemelihara hak wanita terutama dalam konteks keluarga. Urusan pemeliharaan tersebut termasuklah hal berkaitan dengan keagamaan mereka. Oleh yang demikian seorang suami bertanggungjawab sekiranya isterinya tidak melakukan tanggungjawab keagamaan seperti rukun Islam dan juga tidak menjaga maruah kewanitaannya terutama ketika berada di luar.

Al-Rāzī menukilkan bahawa antara sebab ayat ini diturunkan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas, ialah peristiwa seorang wanita iaitu Bintu Muhammad bin Salmah yang telah ditampar oleh suaminya Sa‘ad bin al-Rabi’, salah seorang ketua golongan Ansar atas sebab-sebab tertentu. Lalu Bintu Muhammad datang mengadu kepada Rasulullah dalam keadaan kesan tamparan dimukanya masih jelas. Beliau mahukan hukuman balas dikenakan kepada suaminya. Rasulullah menasihatkannya dengan bersabda:

---

<sup>19</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 32.

اَقْتَصِّي مِنْهُ ثُمَّ قَالَ لَهَا اصْبِرِي حَتَّىٰ اُنْظُرَ

Maksudnya: “Jauhkan diri darinya dan bersabar.”

Kemudian turunlah ayat ini bagi membenarkan apa yang dilakukan oleh Sa’ad atas dasar lelaki adalah ketua dan bertanggungjawab untuk mendidik isterinya. Walaupun Nabi bersimpati Bintu Muhammad, baginda mengesahkan penurunan ayat tersebut sambil berkata kepadanya:

أَرْدَنَا أَمْرًا وَأَرَادَ اللَّهُ أَمْرًا وَاللَّذِي أَرَادَ اللَّهُ حَتَّىٰ

Maksudnya: “Kita menghendaki sesuatu dan Allah juga menghendaki sesuatu dan yang dikehendaki Allah adalah lebih baik.”<sup>20</sup>

## ASAS KEPIMPINAN LELAKI

Apakah asas kepada tanggungjawab dan kepimpinan lelaki dalam keluarga? Menurut al-Rāzī tanggungjawab kepimpinan keluarga yang diberikan kepada golongan lelaki adalah berteraskan kepada dua asas penting iaitu: Yang pertama, kelebihan yang diberikan Allah kepada golongan lelaki berdasarkan sebahagian ayat Surah *al-Nisā'* yang menyebut:

وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْسَبَنَّ

Maksudnya: “limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain.”<sup>21</sup>

Kelebihan lelaki kepada wanita, menurut al-Rāzī, adalah dari sudut sifat hakiki dan dari segi apa yang diberikan oleh agama: dalam kategori pertama sifat hakiki lelaki seperti kekuatan dari segi ilmu dan kekuatan fizikal. Dengan kekuatan ini orang lelaki dapat melakukan perkara-perkara yang lebih berat berbanding wanita. Sementara dari segi

<sup>20</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 4: 70.

<sup>21</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 34.

agama, lelaki diberi kelebihan dari segi berperanan sebagai imam, kewajipan untuk keluar berjihad, memberi khutbah, kesaksian dalam hudud dan qisas, nikah, kelebihan dalam bahagian harta pusaka, diyat dalam pembunuhan, sumpah, menjadi wali dalam pernikahan, penceraian, rujuk dan poligami.<sup>22</sup>

Sementara itu sifat lelaki yang secara umumnya lebih berani dan kehadapan juga antara sebab mereka diangkat menjadi pemimpin. Ketika mentafsirkan ayat pertama dalam Surah *al-Nisā'* yang mengatakan seperti berikut:

وَبَئِثٌ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءٌ

Maksudnya: “Berkembang dari keduanya lelaki yang banyak dan wanita-wanita.”<sup>23</sup>

Al-Rāzī menjelaskan bahawa antara hikmah Allah menyebut perkataan *kathīra* (banyak) kepada lelaki dan tidak kepada wanita adalah kerana sifat lelaki yang lebih terkehadapan menyebabkan mereka dilihat lebih banyak berbanding wanita.<sup>24</sup> Sementara asas kedua yang menjadikan lelaki diberi tanggungjawab kepimpinan ialah kerana dalam konteks perkahwinan mereka lah yang menanggung golongan wanita menerusi mahar dan nafkah yang diberikan kepada golongan wanita.

## KELEBIHAN LELAKI DISEIMBANGKAN DENGAN TANGGUNGJAWAB BERAT

Menurut al-Rāzī, walaupun lelaki diberi kelebihan dari segi fizikal dan penetapan syariah, namun ia diimbangi dengan keperluan untuk lelaki memenuhi syarat-syarat yang akhirnya juga memberi kelebihan kepada wanita pula seperti membayar mahar ketika ingin mengahwini seseorang wanita dan juga memberi nafkah apabila telah mengahwininya. Oleh yang demikian, kelebihan di satu aspek akan diimbangi dengan kelebihan wanita di satu aspek yang lain. Maka ia seolah-olah tiada

<sup>22</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 4: 74.

<sup>23</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 1.

<sup>24</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 3: 479.

kelebihan.<sup>25</sup> Jika dilihat kepada kelebihan yang diberikan kepada wanita ini ternyata ia bukanlah kecil. Dari segi fizikal walaupun wanita juga ada kemampuan, walaupun tidak segagah lelaki untuk mencari sara hidup, mereka masih diberi penghormatan untuk dijaga kemaslahatan mereka oleh orang lelaki. Malah dalam hukum fikah, walaupun isteri mempunyai pendapatannya sendiri, masih wajib bagi seorang lelaki untuk memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak. Dari segi mahar, walaupun jumlahnya tidak banyak, ia adalah satu perlambangan bahawa seorang wanita tidak boleh didekati dan digauli tanpa adanya adab dan pengorbanan yang dilakukan oleh lelaki yang ingin mengahwininya.

Sekiranya berlaku ketidaktaatan terhadap perkara-perkara yang bersifat *shari'* maka ayat tersebut membenarkan seorang suami menasihatinya, tidak menggauli mereka (pisahkan tempat tidur) dan memukul mereka seperti yang disebut dalam ayat:

وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُورَهُنَّ فَعَظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ  
وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْعُوا عَلَيْهِنَّ سِيَّلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا  
كَبِيرًا

Maksudnya: “Wanita-wanita yang kamu khuatirkan nusuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka , dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”<sup>26</sup>

Ketiga-tiga bentuk tindakan terhadap isteri yang nusuz menggambarkan ada peringkat-peringkat yang boleh digunakan oleh suami berdasarkan kebijaksanaan suami. Sekiranya pendisiplinan dapat berlaku dengan nasihat, dua pendekatan yang lain adalah tidak perlu. Dan ketiga-tiganya juga menggambarkan keutamaan. Nasihat merupakan perkara yang terbaik walaupun memukul isteri masih perkara yang harus dilakukan sekiranya terpaksa, seperti mana yang disebut oleh

<sup>25</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 4: 70.

<sup>26</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 34.

Iman Shafie “Memukul isteri adalah harus dan meninggalkannya adalah lebih baik.”<sup>27</sup>

Sesuatu yang amat penting untuk ditekankan ialah tindakan-tindakan ini haruslah selari dengan tujuan ingin mendidik dan mengembalikan seorang wanita kepada agama sebagaimana yang telah ditentukan oleh syariah dan bukannya untuk mencedera atau melepaskan geram atau menunjukkan kekuasaan lelaki terhadap wanita. Ini bermakna pendidikan agama dan akhlak harus berlaku kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berada di dalam institusi kekeluargaan. Ini akan menjamin keharmonian rumah tangga kerana masing-masing dengan ilmu dan kebijaksanaan yang ada berdasarkan pendidikan yang betul akan bertindak berdasarkan prinsip-prinsip akhlak yang betul dan akan menjauhkan perkara-perkara yang menyebabkan keretakan dalam rumah tangga.

Kes-kes penderaan atau perkelahian yang berlaku dalam rumah tangga jelas menunjukkan bahawa hubungan suami isteri tersebut tidak lagi diasaskan dengan asas agama tetapi hal-hal dunia. Dan sekiranya seorang suami mendera dan mencederakan isterinya dengan alasan ia adalah ketua keluarga sebagaimana yang dibenarkan oleh agama, maka ia sebenarnya telah keliru tentang maqasid seseorang lelaki itu dijadikan ketua oleh syariah. Sebaliknya ia telah menyalahgunakan kepimpinannya kepada perkara keburukan. Sebagaimana ia juga berlaku dalam institusi-institusi yang lain apabila seorang pemimpin yang menggunakan kuasa untuk mendera dan menekan golongan bawahan. Dengan kata lain, isu yang sebenar dalam kes penderaan suami kepada wanita ialah isu kerendahan akhlak dan kekeliruan ilmu dan bukannya kesilapan shariah yang mengangkat lelaki sebagai pemimpin keluarga. Oleh yang demikian usaha harus dilakukan bagi mendidik golongan suami dan isteri berkaitan dengan peranan sebenar kedua-duanya di dalam keluarga dan batasan shariah yang harus dipelihara dalam hidup berkeluarga.

---

<sup>27</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 4: 72.

Wanita pula menurut ayat 34 Surah *al-Nisā'* ini bertanggungjawab untuk taat kepada Allah dan suami (*qānitāt* dan *hafizāt li al-ghayb*). Istilah *Qānitāt* bermaksud mereka yang taat kepada Allah sementara *hafizāt li al-ghayb* pula bermaksud mereka yang menjaga hak suami sama ada semasa kehadirannya atau semasa ketiadaannya. Ia juga bermaksud seorang wanita memelihara dirinya daripada perbuatan yang munkar semasa ketiadaan suaminya. Ini sesuai dengan hadis Nabi yang mengatakan:

حَيْرُ النِّسَاءِ إِنْ نَظَرْتَ إِلَيْهَا سَرَّتْكَ وَإِنْ أَمْرْهَا أَطَاعْتَكَ وَإِنْ غَبَثَ  
عَنْهَا حَفِظْتَكَ فِي مَالِكَ وَنَفْسِهَا

Maksudnya: “Sebaik-baik wanita ialah yang apabila kamu melihatnya kamu berasa gembira, sekiranya kamu menyuruhnya ia akan taat dan sekiranya kamu meninggalkannya ia akan memelihara harta kamu dan dirinya.”<sup>28</sup>

## LARANGAN MERASA IRI HATI TERHADAP KETENTUAN ALLAH MENGENAI KELEBIHAN YANG LAIN (AL-NISA' 4:32)

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَتَمَنُوا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا  
أَكْتَسَبُوا ۚ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ بِمَا أَكْتَسَبْنَ ۖ وَاسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ  
كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mengharapkan limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian kamu melebihi sebahagian yang lain. Orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya.

<sup>28</sup> Al-Hākim al-Naysābūrī, *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*, ed. Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Atā (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990), no. hadith 2684, 2: 175.

Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”<sup>29</sup>

Antara sebab ayat ini diturunkan seperti yang dijelaskan al-Rāzī ialah aduan sebahagian wanita dalam kalangan sahabah yang mempertikaikan kelebihan yang diberikan shariah kepada golongan lelaki. Ummu Salamah dikhabarkan berkata kepada Nabi:

يَا رَسُولَ اللَّهِ يَعْزُرُ الرِّجَالُ وَلَا نَعْزُرُ، وَلَمْ مِنَ الْمِيرَاثِ ضِعْفُ مَا  
لَنَا، فَلَيَتَنَا كُنَّا رِجَالًا

Maksudnya: “Wahai Rasulullah, golongan lelaki berperang, kami tidak berperang, mereka diberikan harta pusaka yang lebih dari kami. Alangkah baiknya kalau kami menjadi lelaki.”<sup>30</sup>

Al-Rāzī juga meriwayatkan bahawa sebab turun ayat ini juga adalah susulan turun ayat berikut:

فِيلَذَّكِرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيْنِ

Maksudnya: “Satu bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan.”<sup>31</sup>

Maka sebahagian wanita ketika itu mengatakan “kami lebih layak kerana kami lemah sedangkan lelaki mampu untuk mencari keperluan kehidupan mereka. Begitu juga sebab lain ialah seorang wanita datang kepada Nabi dan berkata “sesungguhnya Tuhan kepada semua lelaki dan wanita adalah satu dan engkau adalah Rasul kepada kami dan mereka (lelaki), bapa kami Adam dan ibu kami Hawa. Maka, mengapa Allah menyebut (melebihikan) lelaki tetapi tidak menyebut kami. Begitu juga orang lelaki mendahului kami dari segi berjihad. Maka apa yang bakal kami dapat?” Jawapan Nabi kepada mereka ialah “Sesungguhnya seorang yang hamil dalam kalangan kamu akan

<sup>29</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 32.

<sup>30</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 4: 66.

<sup>31</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 176.

mendapat pahala mereka yang berpuasa secara berterusan. Sekiranya mereka mengalami kesakitan dalam mengandung tiada seorang yang tahu betapa besarnya ganjaran yang Allah sediakan. Ketika mereka melahirkan, setiap sedutan susu oleh bayi menyamai ganjaran menghidupkan sebuah nyawa.”<sup>32</sup>

Jawapan Nabi ini penting dalam erti kata bahawa kelebihan tidak harus dilihat dari segi jumlah pendapatan yang didapati seseorang. Ini kerana apa yang bakal didapati oleh golongan wanita walaupun dengan tugas yang sedikit adalah besar sebagaimana lelaki. Bukankah lebih baik untuk mendapat tanggungjawab yang kecil tetapi dengan ganjaran yang besar berbanding tugas besar? Sekiranya diteliti, perkara yang dipersoal oleh golongan wanita di zaman nabi masih ada asasnya iaitu mereka menuntut kelebihan dari segi ganjaran dan kedudukan dalam agama dan bukannya persamaan dari segi kedudukan dunia terutama harta. Sedangkan dalam konteks perjuangan golongan feminism moden, yang diperjuangkan ialah persamaan dari segala segi dalam konteks kebendaan akan tetapi tidak dari segi ganjaran yang bakal diterima dari Allah.

Dalam ayat ini Allah mengatakan bahawa ada ketentuan yang telah Allah berikan kepada lelaki dan wanita:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبْنَ وَاسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Maksudnya: “(Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”<sup>33</sup>

<sup>32</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 4: 66.

<sup>33</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 32.

Ketentuan ini, menurut al-Rāzī, boleh merujuk kepada hal ehwal dunia atau akhirat. Contohnya merujuk kepada rezeki yang Allah telah tentukan semasa di dunia. Ia juga boleh bermaksud ketentuan dunia dalam bentuk harta pusaka yang melebihkan lelaki dari wanita. Sementara ketentuan akhirat ketentuan ganjaran dari Allah yang Allah berikan berdasarkan kasih sayang Allah dan keredaannya. Juga merujuk kepada bahawa setiap orang akan menerima ketentuan berdasarkan apa-apa bentuk ketaatan yang dilakukan oleh seseorang. Maka janganlah disia-siakan dengan berlaku hasad kepada yang lain.<sup>34</sup> Ia juga boleh merujuk kepada ketentuan tanggungjawab, bahawa lelaki ditentukan untuk memberi nafkah sementara wanita ditentukan untuk menjaga kehormatan dan menjaga urusan rumah tangga. Menuruti ketentuan ini, tambah al-Rāzī, adalah suatu ketaatan dan akan mendapat ganjaran dari Allah.<sup>35</sup>

Dari segi itu, kemungkinan masalah yang berlaku sekarang timbul hasil dari tidak menurut ketentuan yang telah ditentukan Allah dari segi tanggungjawab tersebut, sama ada golongan lelaki yang tidak memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak sehingga menyebabkan konflik dalam rumah tangga atau isteri yang tidak menjalankan tugasnya sebagai ‘pemelihara rumah’ sehingga menyebabkan anak-anak terbiar. Oleh yang demikian, ayat ini melarang sama ada golongan wanita atau lelaki merasa cemburu dan iri hati terhadap apa yang didapati oleh yang lain. Bentuk kecemburuhan menurut al-Rāzī terbahagi dua; pertama hasad iaitu mahukan sesuatu hilang dari orang lain. Yang kedua mahukan sesuatu yang ada pada orang berlaku juga kepada dirinya. Perkara kedua ini juga di larang oleh agama kerana kemungkinan ia memberi kerosakan kepada agama dan kemudaratannya kepada kehidupan kerana setiap orang berbeza dari segi kecenderungan dan persediaan dirinya. Maka, kata al-Rāzī, janganlah seseorang berdoa dengan meminta supaya ia mendapat apa yang ada pada orang lain, akan tetapi berdoalah dengan mengatakan:

---

<sup>34</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 4: 66.

<sup>35</sup> *Ibid.*

اللَّهُمَّ أَعْطِنِي مَا يَكُونُ صَلَاحًا فِي دُنْيَايِ وَدُنْيَائِي وَمَعَادِي وَمَعَاشِي

Maksudnya: “Ya Allah berikan apa yang baik untuk agamaku dan untuk kehidupan duniaku dan kehidupanku dan kepulanganku ke akhirat.”<sup>36</sup>

Doa terbaik ialah seperti yang diajar oleh al-Quran ia meminta Tuhan memberikan apa yang terbaik kepada diri insan di dunia dan di akhirat seperti berikut:

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.”<sup>37</sup>

## KESIMPULAN

Dalam makalah ini, tumpuan diberikan mengenai kedudukan gender dari kerangka pandangan alam Islam berdasarkan *Tafsīr al-Kabīr* Fakhr al-Dīn al-Rāzī yang lebih menekankan tentang status asas kejantinaan berdasarkan elemen biologi seperti yang ditentukan oleh sumber agama Islam dan dihuraikan oleh para ilmuwan Islam dalam karya-karya fiqh berbanding kecenderungan seksual seperti yang diketengahkan oleh golongan feminis Barat. Penekanan juga diberikan kepada fungsi lelaki dan wanita dalam kerangka kekeluargaan yang menjadi teras kepada sistem kemasyarakatan dalam Islam. Keluarga adalah institusi penting yang menyatukan peranan kedua-dua gender, lelaki dan wanita, dalam keharmonian. Institusi ini, di samping bertujuan untuk meneruskan kelangsungan zuriat kemanusiaan, berperanan melengkapi fitrah manusia yang memerlukan bantuan dan kasih sayang sesama jantina. Dengan hubungan yang baik antara lelaki dan wanita, institusi keluarga akan membentuk nukleus terkecil dalam masyarakat yang bakal membina fabrik sebuah masyarakat dan ummah yang kuat.

<sup>36</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 4: 66, 4: 65.

<sup>37</sup> Surah *al-Baqarah*, 2: 201.

Dari sudut pandangan agama, kedudukan lelaki dan wanita adalah sama dalam erti kata kedua-duanya mempunyai potensi yang sama untuk mencapai ketaqwaan yang tinggi dan menghamba diri kepada Allah sesuai dengan matlamat manusia dijadikan. Namun disebabkan fitrah kejadian yang berbeza, terdapat pembahagian tugas yang berbeza terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan kehidupan termasuk kehidupan berkeluarga. Atas dasar ini jugalah lelaki diberikan beberapa kelebihan yang sesuai dengan tugas dan peranan mereka.

## RUJUKAN

- Ahmad Shehu Abdulssalam, “Gender and Sexuality: An Islamic Perspective,” *Sari*, 24 (2006).
- Al-Zarkān, Muḥammad Ṣalīḥ, *Fakhr al-Dīn al-Rāzī wa Arā’uhū al-Kalāmiyyah wa al-Falsafiyah*. Kaherah: Dār al-Fikr, 1963.
- Baterah Alias, Mohd Asmadi Yakob, Rafeah Saidon dan Mukhammad Syamsul Huda Bin Lahuri, “Analisis Isu Gender Berdasarkan Al-Quran bagi Menangkis Tuntutan Persamaan Hak antara Lelaki dan Wanita,” *Journal of Contemporary Islamic Studies* (Dec 2020).
- Dinar Dewi Kania, *Delusi Kesetaraan Gender: Tinjauan Kritis Konsep Gender*, Jakarta: Yayasan Aila Indonesia, 2018.
- Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Iḥyā’ ‘Arabī, 1997.
- Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A‘yān*, terjemahan Mac Guckin De Slane, London: Johnson Reprint Corporation, 1843.
- M. M. Sharif, *A History of Muslim Philosophy*. Wiesbaden: Otto Harrassowitz, 1963.
- Peter G. Riddell & Tony Street, *Islam: Essays on Scripture, Thought and Society: A Festschrift in Honour of Anthony H. Johns*. Leiden: Brill, 1997.
- Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, “Gender Equity and Equality from Islamic Perspective: Malaysian Context,” *Kafaah Jurnal* 7(2), 2017.
- Yasin Ceylan, *Theology and Tafsir in the Major Works of Fakhr al-Din al-Razi*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1996.